

# NERVON TABLET

Thiamine Mononitrate/Pyridoxine HCl/Cyanocobalamin (100mg/200mg/200mcg).

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nervon
2. Bagaimana Nervon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nervon
4. Cara menggunakan Nervon
5. Semasa menggunakan Nervon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nervon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Nervon

Nervon digunakan untuk gangguan saraf dan lain-lain yang berkaitan dengan gangguan fungsi metabolismik dipengaruhi oleh Vitamin B kompleks, termasuk

- polyneuropathy diabetes (kerosakan saraf yang disebabkan oleh kandungan gula dalam darah yang kronik dan kencing manis)
- radang urat saraf periferal Alkohol (Kerosakan kepada saraf yang hasil dari minum alkohol yang berlebihan).
- polyneuropathy kehamilan (kerosakan kepada berbilang saraf di sekitar kawasan yang sama di kedua-dua belah badan semasa kehamilan)
- toxemia kehamilan (satu keadaan yang tidak normal semasa hamil dicirikan oleh tekanan darah tinggi, edema dan protein dalam air kencing)
- Loya dan muntah akibat kehamilan
- Post influenza neuropathies

Ia juga digunakan untuk rawatan radang urat saraf neuralgia saraf tulang belakang, terutamanya paresis muka, sindrom serviks , sakit pinggang dan ischialgia , dan lain-lain

## Bagaimana Nervon berfungsi

B1 , B6 dan B12 adalah vitamin penting untuk sistem saraf berfungsi dengan sepatutnya. Ianya diperlukan untuk proses metabolismik normal sel-sel saraf.

## Sebelum menggunakan Nervon

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil Nervit B Forte jika:
- Anda hipersensitif kepada vitamin B1, B6 atau B12.
  - Anda sedang menjalani terapi Levodopa.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

Jika anda sedang menyusukan anak, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

### - Sebelum menggunakan Nervon

Anda perlu berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- Menjalani rawatan untuk neuropati optik (kehilangan penglihatan) yang berkaitan dengan kepekatan plasma tinggi cyanocobalamin.
- Cyanocobalamin tidak boleh diberikan sebelum diagnosis belum dikenalpasti dengan sepenuhnya. Ini kerana kemungkinan gejala untuk kemerosotan subakut pada saraf tunjang.
- Penggunaan jangka panjang dan dos tinggi Pyridoxine dikaitkan dengan kerosakan teruk pada saraf yang membawa mesej ke dan dari otak dan saraf tunjang.
- Mempunyai megaloblastic anemia (sel darah merah yang lebih rendah daripada biasa) untuk orang yang hamil

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil:

- Loop diuretics (furosemide, acid ethacrynic dan Bumetanide).
- Phenobarbital dan phenytoin.
- Hydralazine, isoniazid, penicillamine dan oral contraceptives.
- Neomycin, aminosalicylic acid, histamine H<sub>2</sub>-antagonists, metformin, para-aminosalicylic acid, potassium chloride, colchicines.

- Proton pump inhibitors (lansoprazole, omeprazole, pantoprazole dan rabeprazole).
- Cholestyramine and colestipol.
- Anesthetic agent (Nitrous oxide).
- Antibiotics.

## Cara menggunakan Nervon

- Berapa banyak harus digunakan  
Ikat semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ianya mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.  
Kes sederhana: Satu tablet bersalut untuk dua atau tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan  
Tablet bersalut ditelan tanpa dikunyah dengan segelas air selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan  
Seperti cadangan dos.

- Jika terlupa menggunakan  
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga kemudian mengambil dos dan makan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)  
Hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat serta-merta.

Rawatan gejala dan sokongan.

## Semasa menggunakan Nervon

- Perkara yang perlu dilakukan  
Ambil dos anda betul-betul seperti yang diberikan dalam risalah tersebut.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Nervon.

Dapatkan nasihat doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Nervon.

# NERVON TABLET

Thiamine Mononitrate/Pyridoxine HCl/Cyanocobalamin (100mg/200mg/200mcg).

## - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi Nervon kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

## - Perkara yang perlu diberi perhatian

**Memandu dan menggunakan mesin**  
Produk ini tidak memberi kesan kepada keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Nervon boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapat mereka.

Kesan sampingan adalah alahan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil Nervon ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [nprr.moh.gov.my](http://nprr.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Nervon**

#### Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah 30°C. Pastikan botol ditutup ketat.

#### Pelupusan

Produk tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan Nervon yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Satu tablet bulat bersalut filem, berwarna merah jambu dengan diameter 11mm

## - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Thiamine Mononitrate  
Pyridoxine HCl  
Cyanocobalamin  
  
- Bahan tidak aktif  
Magnesium stearate  
Microcrystalline Cellulose  
Colloidol Silicon Dioxide  
Ponceau 4R Lake  
Sodium Starch Glycolate  
Isopropyl Alcohol  
Polyethylene glycol  
Lactose Monohydrate  
Talc  
Hydroxypropyl Methyl Cellulose  
Propylene Glycol  
Titanium Dioxide  
Ethyl Cellulose

## - Nombor MAL

Nervon Tablet:  
MAL07010959XZ

### **Pengilang**

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.  
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off,  
Jalan Meru,  
41050 Klang,Selangor Darul Ehsan.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.  
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off,  
Jalan Meru,  
41050 Klang,Selangor Darul Ehsan.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

23/06/2017

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)22062017/00155